

08/10/2003

`Usah pandang guru sebelah mata'

Guru Terluka

SAYA, guru di sebuah sekolah kerajaan di ibu negara berpendapat `luahan hati' Abdul Rahman Abdullah (Johor Bahru) pada 4 Oktober lalu dapat saya samakan ibarat pepatah orang tua kita `guru kencing berdiri murid kencing berlari'.

Sebagai pendidik yang siang malam bersengkang mata, memerah idea kreatif dan berpeluh menjayakan usaha murni Falsafah Pendidikan Negara (FPN) baik dari segi kurikulum, kokurikulum, serta pembentukan sahsiah pelajar, adalah kurang wajar `salah asuhan' dan `keruntuhan moral/sahsiah' pelajar kita hari ini 100 peratus disandarkan pada bahu guru.

Sebagai `arkitek manusia', guru ada bebanan tugas dalam dan di luar sekolah yang semakin bertimbun. Tambah memburukkan lagi keadaan, sebahagian besar daripada kami juga terpaksa terbabit menjayakan aktiviti semasa Kementerian Pendidikan dan kementerian lain seperti menganjur dan menjayakan Kem Bina Semangat, merancang dan memastikan terlaksananya sambutan Hari Kemerdekaan dan tidak kurang juga beban menganjurkan perkhemahan serta pelbagai majlis rasmi jabatan kerajaan dan swasta.

Masa kami yang hanya kira-kira tujuh jam sehari di sekolah agak terjejas. Kebanyakan ibu bapa dan penjaga dasawarsa kini dengan pantas menuduh guru berikutan tercetusnya pelbagai gejala yang meruntuhkan akhlak pelajar.

Ingin saya ajukan `pertanyaan emas' kepada semua ibu bapa/penjaga pelajar kita hari ini iaitu apakah peranan yang dimainkan oleh mereka dalam membentuk sahsiah anak-anak mereka?

Apakah cukup dengan sekadar `sogokan' pelbagai kemudahan mewah seperti wang saku yang banyak dan paling terbaru telefon bimbit sudah mencukupi tanpa pemantauan berterusan pembentukan sahsiah diri anak-anak mereka? Andai persoalan saya ini agak melampau, maafkan saya yang serba kekurangan ini. Walaupun kami bertindak profesional dalam menjalankan tugas dan bebanan tugas harian kami dengan sepenuh hati seperti mana lafaz ikrar kami pada 16 Mei setiap tahun, tetapi ibu bapa serta penjaga hanya memandang martabat kami sebelah mata atau barangkali langsung tidak menghormati profesion mulia kami ini, apatah lagi dengan perolehan gaji yang sangat rendah berbanding kira-kira 80 peratus ibu bapa dan penjaga pelajar hari ini.

Sebab itulah agaknya dengan hanya kesalahan kecil mencubit lengan sekalipun, kami guru dengan mudah ada kalanya digari, dibawa ke balai polis, dan didakwa di mahkamah!

Rasanya, cukuplah setakat ini luahan hati terluka saya yang mungkin mewakili cetusan perasaan ribuan lagi guru di negara kita yang agak menyentuh hati naluri keibubapaan kita.

Kementerian Pendidikan kini sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan semula merotan di khalayak ramai dan memberi hak kepada pengetua dan guru menjalankannya adalah keputusan yang sangat bijak.

Kenapa saya berkata begitu? Cubalah semua pembaca berfikir sejenak, adakah kita akan jadi apa yang kita jadi hari ini (kejayaan dalam pelajaran, mendapat pekerjaan yang bagus dan memiliki akhlak yang baik) jika pada suatu ketika masa dulu kita sebagai murid tidak dirotan oleh guru kita atas kesalahan atau kenakalan kita?

Sebagaimana kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "Kita yang tua hari ini adalah hasil mutu pendidikan 40 tahun lalu, anak-anak kita hari ini adalah hasil mutu pendidikan 25 tahun kebelakangan ini.

Bayangkanlah nasib serta sahsiah anak cucu kita hari esok, andai punca-punca keruntuhan sahsiah hari ini tidak ditangani segera?"

GURU TERLUKA

Kuala Lumpur